

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1997/98

September 1997

HKT 421 Teori Dan Kaedah Dalam Kesusasteraan Bandingan

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja. Semua soalan membawa markah yang sama.

1. Kesusasteraan Bandingan dikatakan muncul dalam konteks perhubungan timbal-balik antara pencarian identiti kebangsaan dan keharmonian antarabangsa di Eropah. Sejauhmanakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas? Jawab dengan memberi contoh-contoh yang jelas.
2. Sebuah rak karya sastera Eropah yang terbaik sama nilainya dengan seluruh khazanah sastera India dan Arabia.

Lord Macaulay

Dengan menjelaskan petikan di atas, bincangkan “perspektif imperial” dalam perkembangan Kesusasteraan Bandingan di Eropah dalam abad ke-19. Menurut pengamatan anda, adakah perspektif ini masih wujud sekarang?

3. Bincangkan secara terperinci pemikiran dan amalan “sekolah Amerika” dalam Kesusasteraan Bandingan. Kemudian, jelaskan bagaimana sekolah ini berbeza daripada “sekolah Perancis.”
4. Bagaimanakah umumnya Kesusasteraan Bandingan diterima di Asia dan Afrika? Adakah ia menguntungkan perkembangan kesusasteraan kebangsaan di benua-benua tersebut? Jawapan anda hendaklah berasaskan contoh-contoh yang jelas.
5. Dengan merujuk kepada perkembangan disiplin-disiplin baru seperti Pengajian Terjemahan, Pengajian Budaya, Teori Kritis, dan Pengajian Wanita, bincangkan kedudukan mutakhir Kesusasteraan Bandingan di Eropah dan Amerika Utara.

6. Dengan merujuk kepada sekelompok karya yang anda tahu, bincangkan secara terperinci pendekatan genetik dalam Kesusasteraan Bandingan. Kemudian, jelaskan bagaimana pendekatan ini berbeza dari pendekatan generik.
7. Jelaskan pengertian (i) karya kesusasteraan pasca-kolonial dan (ii) teori kesusasteraan pasca-kolonial.

Dengan mengemukakan contoh-contoh yang tepat, bincangkan secara kritis model kajian karya-karya kesusasteraan pasca-kolonial yang menonjolkan sifat kacokan.

8. Dengan merujuk kepada kelainan antara apresiasi karya filem dan apresiasi karya kesusasteraan, bincangkan aspek-aspek dan masalah-masalah yang menonjol di dalam proses transformasi karya kesusasteraan kepada karya filem. Perbincangan anda mestilah berasaskan sekurang-kurangnya satu kes transformasi sebenar yang telah anda kaji.